

08/09/09-00MST

CNS0389

U PB 08-09 00165 BA669

bah

MAHATHIR YAKIN BN MENANG DI SARAWAK
Mahathir - Sarawak

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) akan memenangi pilihan raya negeri Sarawak yang akan diadakan akhir bulan ini.

Ini adalah kerana beliau yakin rakyat Sarawak ingin terus menikmati pembangunan dan kestabilan, kata Perdana Menteri.

+BN merupakan satu-satunya badan yang boleh memberi peluang kepada semua pihak memainkan peranan mereka dalam pentadbiran Sarawak,+ kata beliau kepada pemberita setelah melepaskan peserta pertandingan lumba jala kaki Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Bukit Aman di sini, hari ini.

Di samping itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir, tidak ada apa-apa kebaikan yang boleh didapati daripada perpecahan atau tekanan terhadap kumpulan etnik di negeri itu dan semua pihak perlulah bekerjasama tanpa mengira keturunan, bagi memastikan pentadbiran yang berterusan.

Beliau yang juga pengerusi BN, enggan mengulas ketika ditanya mengenai kedudukan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) pada pilihan raya itu. -- Lagi

08/09/11-17MST

CNS0390

U PB 08-09 00111 BA670

bah

Mahathir - Sarawak 2 Kuala Lumpur

+Saya tidak ada komen mengenai perkara itu,+ katanya.

PBDS, salah sebuah parti komponen BN, bagaimanapun bertindak sebagai pembangkang di peringkat negeri.

Semalam Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menetapkan Sabtu ini sebagai hari penamaan calon bagi pilihan raya umum keenam Dewan Undangan Negeri Sarawak manakala hari pengundian ialah pada 27 dan 28 Sept.

Ketika ditanya sama ada anggota komponen BN akan membantu sepanjang tempoh berkempen, Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata: +Ya, kita akan tolong sikit-sikit.+

Perdana Menteri berkata beliau akan ke Sarawak Khamis ini selepas melawat Sabah pada Rabu. -- Lagi

08/09/11-18MST

CNS0391

U PB 08-09 00090 BA671

bah

Mahathir - Sarawak 3 (akhir) Kuala Lumpur

Sementara itu, ketika ditanya mengenai lawatan beliau ke Mexico pada 17 Sept ini, beliau berkata ianya bertujuan menukuhkan hubungan antara kedua-dua negara di samping meningkatkan jumlah dagangan.

Beliau kemudian akan ke New York untuk berucap pada perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 24 Sept.

Sebanyak 447 peserta termasuk Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Avob dan Ketua Polis Negara Tan Sri Haniff Omar, mengambil bahagian pada pertandingan itu. -- Bernama

08/09/11-19MST